

**Bil. 1**

**Selasa**

**12 Mac 2019**



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

*Parliamentary Debates*

## **KAMAR KHAS**

*Special Chamber*

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

## KANDUNGAN

### UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Masalah pengangguran Belia**  
- *YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)* [Halaman 1]
- **Dividen Khas Petronas**  
- *YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad (Parit Sulong)* [Halaman 5]

**MALAYSIA  
KAMAR KHAS  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

**Selasa, 12 Mac 2019**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL  
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**2.34 ptg.**

**Masalah Pengangguran Belia**

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membangkitkan dan mengutarakan isu peluang pekerjaan yang melanda golongan muda khususnya untuk golongan mahasiswa yang masih belum dapat diselesaikan sehingga ke hari ini. Setiap tahun, jumlah itu adalah berdasarkan kepada Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang menyaksikan 238,187 orang siswazah menamatkan pengajian tahun lepas. Akan tetapi, 54,103 orang siswazah menganggur enam bulan selepas tamat pengajian mengikut data bagi tahun 2017. Walaupun kita sedar akan isu ini, tetapi kita tidak menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh golongan muda khususnya untuk golongan graduan.

Mengikut laporan akhbar Berita Harian pada 18 September 2018, Malaysia terus berdepan cabaran pengangguran golongan belia yang tinggi berikutan faktor ketidakseimbangan kemahiran serta jurang struktur asas antara sistem pendidikan dan industri, kata penganalisis. Ketua Ekonomi AmBank Research, Dr Anthony Dass, berkata, pengangguran golongan muda Malaysia kekal pada kadar iaitu 10.8 peratus, lebih tinggi berbanding Singapura (4.6 peratus), Thailand (5.9 peratus), Vietnam (7.9 peratus) dan India (10.5 peratus).

Saya ingin mengecilkan perkara ini untuk Sarawak dan khususnya untuk kawasan saya Sibü. Sudah tentu saya risau akan perkara ini, malahan jika perkara ini tidak diselesaikan, ini boleh menjerumuskan mereka ke masalah sosial disebabkan tekanan kos sara hidup yang tinggi berikutan dihimpit masalah hutang PTPTN secara khususnya untuk graduan dan serta masalah kewangan peribadi bagi yang bukan graduan. Sememangnya diakui, hasil lawatan saya ke MARA Bahagian Sibü, terdapat golongan muda yang berjaya dalam perniagaan, hal ini disebabkan mereka mempunyai pemikiran yang kreatif .

Sebagai contoh, YS Cafe di Kampung Nangka yang mempunyai produknya iaitu kek lapis. Apa yang menjadi kerisauan saya ialah golongan yang tidak minat untuk berniaga dan mahupun pekerjaan yang makan gaji. Mereka ini sanggup keluar dan berhijrah dari Sibü untuk ke Bandar Besar seperti Kuala Lumpur, Kuching, Singapura dan lain-lain bandar yang mempunyai peluang pekerjaan. Adalah tidak dinafikan mereka ada yang berjaya apabila mereka berhijrah dan ada juga yang tersungkur disebabkan mereka ditipu oleh majikan yang mengupah mereka.

Isu yang terbaharu, isu penahanan 47 orang rakyat Malaysia yang ditahan di Kemboja. Seramai 40 orang ialah rakyat Sarawak. Mereka ini tersungkur kerana ditipu oleh agensi mencari pekerjaan yang menawarkan mereka gaji yang lumayan. Disebabkan tidak ada peluang pekerjaan yang berada di Sarawak, mereka sanggup keluar dan berhijrah untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Tidaklah mereka terpaksa berhijrah keluar untuk mencari sesuap nasi sedangkan negeri sendiri telah menyediakan peluang pekerjaan. Ini juga tepat dengan sasaran kita untuk memanggil balik anak muda yang berada di perantauan, kembali berkhidmat di negeri sendiri dan berbakti di negeri sendiri. Sekian, terima kasih.

### **2.36 ptg.**

**Menteri Sumber Manusia [Tuan M. Kulasegaran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. kadar pengangguran belia adalah tiga kali ganda lebih tinggi daripada kadar pengangguran semasa negara bagi tahun 2018 iaitu pada kadar 3.3 peratus. Kadar pengangguran berkaitan dengan rangkaian bekalan global dan corak perwujudan pekerjaan dalam ekonomi sedang pesat membangun berbanding dengan ekonomi maju. Jenis pekerjaan yang diwujudkan dan kesediaan modal insan, langkah-langkah meningkatkan pemendapan dalam pasaran pekerja serta maklumat tentang keperluan kemahiran oleh industri.

Kesediaan belia dan graduan untuk memasuki dunia pekerjaan, peluang pekerjaan yang tidak mencukupi terutamanya pekerjaan berkemahiran tinggi yang terhad dan bergantung pada tenaga kerja yang murah sebagai sumber tenaga kerja. Ekonomi Malaysia juga masih berdepan cabaran untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi yang boleh mewujudkan lebih banyak pekerjaan berkualiti dan berkemahiran tinggi warganegara menyebabkan kekurangan permintaan untuk belia yang mempunyai kemahiran dan siswazahnya yang baru tamat belajar.

Namun begitu, kerajaan melalui Rancangan Malaysia Ke-11 memberi fokus kepada peningkatan bagi meningkatkan industri berorientasikan eksport dan berasaskan komoditi seperti elektrik dan elektronik atau perlombongan akan mendapat manfaat daripada perkembangan positif ekonomi global sekali gus mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Prospek pasaran pekerjaan adalah stabil dan sihat disokong oleh pemulihan ekonomi global dan dasar makro ekonomi yang menyokong pertumbuhan ekonomi dan mengujudkan peluang-peluang pekerjaan baru.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia (KSM), melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah melaksanakan pelbagai program untuk membantu para pencari kerja bagi mendapatkan pekerjaan di negara ini. Ini termasuklah di kalangan para belia dan graduan yang baru menamatkan pengajian. Antara program yang telah dilaksanakan ialah penganjuran Karnival Pekerjaan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah di seluruh negara yang diadakan sepanjang tahun. Bagi tujuan tersebut, Jabatan Tenaga Kerja juga meneruskan kerjasama universiti awam (UA) dan institusi latihan kemahiran awam (ILKA) menganjurkan Karnival Pekerjaan tersebut di seluruh negara bagi memudahkan para bakal graduan, lepasan graduan dan belia untuk dipadankan dengan kekosongan jawatan yang ditawarkan.

Selanjutnya, Kementerian Sumber Manusia telah bekerjasama dengan Kementerian Kewangan melalui agensi yang terlibat turut menganjurkan Program Job Fair @ UTC. Pada 2018, penganjuran Job Fair @ UTC 4.0 dan 5.0 yang telah diadakan pada 3 Mac 2018 dan 6 Oktober 2018 yang telah melibatkan UTC negeri di seluruh negara. Melalui program ini, ia telah memberikan impak yang positif dalam menyampaikan perkhidmatan pekerjaan di lapangan dan yang berkualiti kepada rakyat melalui penubuhan Pusat Transformasi Bandar (UTC) di seluruh negara. Kementerian juga telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan Pusat Sehenti Perkhidmatan Pekerjaan Kebangsaan di semua UTC negeri di mana Pusat JobsMalaysia beroperasi.

**■1440**

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai program yang bermanfaat dan berfaedah turut dilaksanakan semasa program karnival tersebut berlangsung. Ini termasuk Program Penyesuaian Kerjaya (2PK) di mana beberapa modul yang relevan kepada bakal para pencari kerja dan graduan telah diperkenalkan seperti ujian personaliti, *tips* menghadiri temuduga, penulisan resume, pengurusan kewangan dan pembangunan kerjaya.

Penempatan pencari kerja keseluruhan dari 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018, seramai 168,677 orang pencari kerja yang terdiri daripada 47,073 orang siswazah dan 121,604 orang bukan siswazah. Bagi tahun 2019 pula, dari 1 Januari 2019 sehingga 31 Januari 2019, seramai 156 orang pencari kerja telah berjaya ditempatkan. Di samping itu, belia dan graduan perlu memperluaskan diri dengan kompetensi-kompetensi yang diperlukan oleh pasaran kerja termasuk kemahiran-kemahiran lain seperti kepimpinan, komunikasi, kemampuan menyelesaikan masalah dan sebagainya. Nilai tambah (*value added*) yang ada pada para pencari kerja adalah faktor yang penting dalam menentukan kebolehpasaran golongan ini dalam bidang pekerjaan dan secara tidak langsung akan dapat menangani isu pengangguran di kalangan mereka.

Untuk Yang Berhormat SibU, penawaran berbanding permintaan dalam pasaran pekerjaan yang mana ia membawa kepada peningkatan pengangguran golongan graduan dan belia berikutan pekerjaan yang ditawarkan yang tidak bersesuaian selain dipengaruhi perkembangan teknologi yang sentiasa berubah-ubah.

Kementerian juga telah mempertingkatkan usaha kolaborasi industri dalam pendidikan dan latihan dalam pembangunan tenaga kerja untuk memenuhi keperluan industri kini dan akan datang. Usaha ke arah menawarkan latihan berkualiti tinggi dan menggalakkan pembangunan tenaga kerja melalui pembangunan kurikulum dan latihan *Technical and Vocational Education Training* (TVET) bagi memenuhi keperluan kemahiran industri sedang giat diusahakan.

Penubuhan Jawatankuasa Industri dan Kemahiran menjadi platform rasmi bagi menambah latihan kemahiran, dan memperbaiki padanan pekerja dengan pekerjaan. Langkah-langkah intervensi seperti mengenal pasti kemahiran yang diperlukan industri, serta mengarusperdana pendidikan serta Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) melalui pembangunan *National Occupational Skills Standard* (NOSS) selaras industri 4.0 agar kadar penyertaan graduan dan belia ke dalam pasaran perburuhan. Pada masa ini KSM sedang dalam proses membangunkan lagi satu Institut Latihan Perindustrian (ILP) di Serian sebagai

langkah menggalakkan ramai anak muda Sarawak menceburi bidang kemahiran. Terima kasih.

### **Dividen Khas Petronas**

#### **2.44 ptg.**

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kepada perkara di atas, saya ingin mengemukakan usul berkenaan Perkara Tadbir kerajaan di bawah Peraturan Mesyuarat 17 kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan berkaitan isu tunggakan bayaran balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) menggunakan dividen khas Petronas. Berdasarkan pengumuman Menteri Kewangan pada Bajet 2019 yang lepas, sejumlah RM30 bilion dividen khas dari sumber Petronas telah diperuntukkan bagi melangsaikan tunggakan bayaran balik GST sebanyak RM19.47 bilion.

Soalan saya, apakah status pembayaran tunggakan bayaran balik ini? Adakah kementerian telah membuat pembayaran penuh kepada semua orang kena cukai (OKC)? Berapakah jumlah wang bayaran balik yang telah dilangsaikan setakat Februari 2019 dan berapa banyak OKC yang terlibat dalam proses tersebut?

Soalan kedua, memandangkan tunggakan bayaran balik GST hanya berjumlah RM19.47 bilion, ini bermakna dividen khas yang diperuntukkan mempunyai lebih sebanyak RM10 bilion, saya minta penjelasan daripada Menteri Kewangan ke manakah wang peruntukan ini akan disalurkan memandangkan ia tidak disebut oleh Menteri sewaktu pembentangan Bajet 2019 yang lalu? Saya juga ingin memohon ataupun meminta Menteri Kewangan untuk menyatakan secara spesifik perbelanjaan yang telah dibuat dengan wang lebih RM10 bilion tersebut. Sekian, terima kasih.

#### **2.46 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong yang bertanya. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah *refund* GST Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah *refund* GST yang telah diproses oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi tahun 2019 sehingga 3 Mac 2019 adalah RM4.0184 bilion yang melibatkan sebanyak 54,603 *registrant* dan amaun yang telah dibayar adalah sebanyak RM3.994 bilion.

Seperti yang telah diumumkan dalam pembentangan Belanjawan 2019 dan tadi juga telah diulang di dalam jawapan yang telah diberikan oleh Menteri Kewangan di dalam Dewan pada pagi tadi, kerajaan akan menyelesaikan keseluruhan tunggakan bayaran balik cukai yang dianggarkan sebanyak RM37 bilion pada tahun 2019 ini. Jumlah RM37 bilion ini adalah meliputi amaun tunggakan bayaran balik GST dan cukai pendapatan.

Oleh yang demikian, isu dividen khas Petronas yang diperuntukkan mempunyai lebihan sebanyak RM10 bilion adalah tidak berbangkit. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Rabu, 13 Mac 2019.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.48 petang]***